



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

NOTIS SEBUT HARGA

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan (BPKU)**, beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Kuala Lumpur dan Selangor** di bawah **Gred G2: Kategori: B28**

No. Sebut Harga	Tajuk	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh & Tempat Mengambil Dokumen Pelawaan Sebut Harga	Tarikh & Tempat Tutup Sebut Harga
KPM.BPM. S.400-5/8/76	SEBUT HARGA KERJA – KERJA PENYELENGGARAAN DAN NAIK TARAF RUANG PEJABAT ARAS 3 DAN ARAS 4 DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT, KEMENTERIAN PENDIDIKAN	GRED G2 KATEGORI B PENGKHUSUSAN B28	25 Mei 2026 (Isnin) Hingga 9 Jun 2026 (Selasa) Tempat: Kaunter Unit Perolehan dan Aset, Aras 4, Blok E11, Kompleks E, Putrajaya	9 Jun 2026 (Selasa) jam 12.00 Tengah hari

Lawatan Tapak bagi Sebut Harga ini adalah **DIWAJIBKAN** dan akan diadakan pada **5 Jun (Jumaat) jam 9.30 pagi** di **Aras 4 Bahagian Pengurusan Maklumat, Kompleks E11, Kementerian Pendidikan (KPM)**.

2. Waktu urusan mengambil Dokumen Sebut Harga adalah seperti berikut:

HARI	WAKTU
Isnin - Jumaat	9.00 pagi – 12.00 tengahari dan 2.45 petang – 4.30 petang

3. Dokumen Sebut Harga disediakan dalam bentuk *softcopy* dan boleh didapati di Kaunter Unit Perolehan dan Aset Aras 4, Bahagian Pengurusan Maklumat, Kementerian Pendidikan, Kompleks E11 bermula dari tarikh 1 April 2026 hingga 15 April 2026. Hanya penama dalam sijil berkenaan sahaja yang boleh hadir dan mendapatkan dokumen Sebut Harga. Kontraktor dikehendaki hendaklah membawa bersekali sijil-sijil **ASAL dan SALINAN** (tidak akan dikembalikan), Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Taraf Bumiputra dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan. **PERWAKILAN KUASA ADALAH TIDAK DIBENARKAN.**

4. Dokumen Sebut Harga yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, dengan nombor dan tajuk Sebut Harga dituliskan di kirinya dan di hantar di alamat berikut :-

**Peti Sebut Harga Bahagian Pengurusan Maklumat,
Aras 4, Blok E11, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.**

5. KPM tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan dengan tawaran ini.

6. Segala Pertanyaan mengenai Dokumen Sebut Harga ini boleh menghubungi urusetia Perolehan Encik Nasrul Rahman bin Ghazali di talian 03-8884 3558 atau Puan Rosnidah binti Ab. Rahim 03-8884 3553.